



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA,
Public Service Department, Malaysia,
TINGKAT 3 - 15, WISMA BERNAMA,
3 - 15 Floor, Wisma Bernama,
JALAN TUN RAZAK,
50510 KUALA LUMPUR.

Telefon: 03 - 2938444
Telephone:

Kawat: "FESTOFF KUALA LUMPUR"
Cable:

Teleks: MA 31581

Telex:

Fax: 603 - 2925808

Ruj. Tuan:
Your Ref:
Ruj. Kami: JPA(S)324/1/
Our Ref: 7-15 Klt.2(30)
Tarikh: 20 Ogos 1993
Date:

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Pengurusan Badan Berkanun
Persekutuan/Negeri

Ketua-Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan

Tuan,

**PELARASAN GAJI ANGGOTA YANG TERLIBAT
DALAM SKIM-SKIM PERKHIDMATAN DI BAWAH
KLASIFIKASI MAHIR, SEPARUH MAHIR, TIDAK
MAHIR DI BAWAH SISTEM SARAJAN BARU (SSB)**

Sila rujuk surat Jabatan ini Bil. JPA(S)324/1/7-15(16)
bertarikh 22 April 1993 mengenai perkara di atas.

2. Tujuan surat ini adalah untuk memaklumkan akan
pembetulan yang perlu dibuat ke atas sifir pemindahan
gaji dalam **Lampiran A1** kepada surat bertarikh 22 April
1993 itu. Pemindahan gaji bagi Skim Perkhidmatan
Pekerja Rendah Awam Khas (PRAK) Gred R10 **sepatutnya**
dimulakan pada Peringkat 1 Tangga 2 (P1T2 RM368) dan
tidak pada Peringkat 1 Tangga 1 (P1T1 RM357) seperti
yang dinyatakan dalam sifir pemindahan gaji yang
berkenaan. Pembetulan ini adalah supaya ia selaras
dengan matagaji permulaan yang ditawarkan di dalam skim
perkhidmatan PRAK. Dengan pembetulan ini juga, gaji
yang diterima oleh pegawai-pegawai yang dilantik selepas
1.1.1992 tidak akan melangkaui gaji pegawai-pegawai yang
sedang berkhidmat.

3. Selain itu, Kerajaan juga telah membuat ketetapan bahawa dasar penilaian prestasi untuk pertimbangan 4 cara pergerakan gaji (statik, mendatar, menegak, melintang) hendaklah dimulakan pada atau selepas 1.1.1993, **kecuali** bagi anggota yang belum genap 3 tahun perkhidmatan dan belum disahkan dalam perkhidmatan. Sehubungan itu, pindaan perlu dibuat ke atas kenyataan-kenyataan bertanda * yang terdapat di jadual-jadual pergerakan gaji dalam surat bertarikh 22 April 1993. Pindaan yang dinyatakan itu juga akan memastikan anggota-anggota yang berkelayakan tidak tercicir dari pertimbangan 4 cara pergerakan gaji mulai 1.1.1993.

4. Dengan mengambil maklum akan perkara-perkara yang dinyatakan di perenggan 2 dan 3 di atas, maka surat pelaksanaan bertarikh 22 April 1993 itu **hendaklah di pinda seperti berikut:-**

- (i) Sifir pemindahan gaji di Lampiran A1 dalam surat tersebut dibatalkan dan **digantikan** dengan **Lampiran A1 baru yang berkepil;**
- (ii) Lampiran A2 dalam surat tersebut dibatalkan dan digantikan dengan **Lampiran A2 baru yang berkepil** serta **ditambah** dengan **Lampiran A2-1;**
- (iii) Semua ayat bertanda * dengan rangkaian perkataan **"Anggota layak menerima pergerakan gaji secara mendatar"** di Lampiran A3, A4, A5, B2, B3, B4, B5, B6, C1, D1 dan D2 yang tercatat di bawah jadual-jadual berkenaan hendaklah **dibatalkan** dan **digantikan** dengan rangkaian perkataan **"Anggota layak dipertimbangkan pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi.** Jadual-jadual pergerakan gaji yang mengandungi pindaan tersebut serta menggunakan rujukan lampiran yang sama disertakan bersama-sama surat ini.

5. Semua pembetulan disebutkan dalam surat ini telahpun dimaklum dan dihuraikan semasa taklimat kepada semua agensi diadakan. Tuan adalah diminta mengambil maklum akan pembetulan ini dan menyampaikannya secara rasmi kepada semua agensi di bawah kawalan tuan.

Sekian dimaklumkan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(**HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL SALAM**)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

s.k.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kewangan,
(Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Belanjawan),
Tingkat 11-13, Khazanah Malaysia,
Jalan Duta,
50592 KUALA LUMPUR.

Akauntan Negara,
Jabatan Akauntan Negara,
Blok 8 Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan,
Jalan Duta,
50594 KUALA LUMPUR.

Ketua Audit Negara,
Ibu Pejabat Audit,
Jalan Cenderasari,
50518 KUALA LUMPUR

Setiausaha,
Tribunal Perkhidmatan Awam,
Blok K, Aras 1,
Pusat Bandar Damansara,
Jalan Damansutra,
50528 KUALA LUMPUR

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan,
Tingkat 21, 32, 33,
Menara Dato' Onn,
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC),
Jalan Tun Ismail,
50526 KUALA LUMPUR

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia,
Jalan Cenderasari,
50520 KUALA LUMPUR

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia,
Urusetia Cawangan Sarawak,
Tingkat 10, Wisma Persekutuan Baru,
Jalan Simpang Tiga,
93520 Kuching,
SARAWAK

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia,
Urusetia Cawangan Sabah,
Tingkat 4, Blok E,
Jalan Karamunsing,
88000 Kota Kinabalu,
SABAH

Setiausaha Pihak Pekerja,
Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja,
Pengurusan dan Profesional,
Wisma CUEPACS, 34 Jalan Gajah,
Off Jalan Yew,
55100 KUALA LUMPUR

Setiausaha Pihak Pekerja,
Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja
Sains dan Teknologi Dalam Kumpulan Sokongan,
Wisma CUEPACS, 34 Jalan Gajah,
Off Jalan Yew,
55100 KUALA LUMPUR

Setiausaha Pihak Pekerja,
Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja
Am Dalam Kumpulan Sokongan,
Wisma CUEPACS, 34 Jalan Gajah,
Off Jalan Yew,
55100 KUALA LUMPUR

EDARAN DALAMAN

KPPA

TKPPA

Semua Pengarah Bahagian,
Jabatan Perkhidmatan Awam.

- | | |
|-------------------------------------|------------------------------------|
| - Bahagian Saraan | (7 salinan) |
| - Bahagian Perkhidmatan dan Kerjaya | (9 salinan) |
| - Bahagian Latihan | (2 salinan) |
| - Bahagian Pencen | (2 salinan) |
| - Bahagian Perundingan | (2 salinan) |
| - INTAN | (2 salinan) |
| - Bahagian Khidmat Pengurusan | (4 salinan) |
| - Bahagian Pembangunan Organisasi | (semua unit/
pegawai berkenaan) |